

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1997/98

FEBRUARI 1998

RMK 152 - Prinsip-Prinsip Ekonomi Bangunan

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja: Jawab **DUA** soalan dari **BAHAGIAN A** dan **DUA** soalan dari **BAHAGIAN B**.

**BAHAGIAN A:** (Jawab **Soalan 1** yang **WAJIB** dan **SATU** soalan lain)

1. (a) Keluk permintaan tidak semestinya mencerun ke bawah dari kiri ke kanan. Terangkan bagaimanakah keadaan ini boleh wujud dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai?  
  
(b) Bagaimanakah perubahan "nilai mata wang" boleh mempengaruhi keluk permintaan bagi sesuatu barangan?  
  
(25 markah)
2. Lantaran kegawatan ekonomi yang melanda negara masa kini, kerajaan menyeru supaya semua pengguna di negara ini mengubah tabiat dengan menggunakan "barangan tempatan". Pada pandangan anda, sejauhmanakah langkah seperti ini boleh mempengaruhi dan mengubah struktur permintaan keatas barangan tempatan?  
  
(25 markah)
3. Jelaskan apakah keburukan-keburukan yang terdapat dalam pasaran monopoli dan nyatakan bagaimanakah kerajaan dapat memainkan peranan untuk mengawal monopoli?  
  
(25 markah)

...2/-

**BAHAGIAN B: (Jawab mana-mana DUA soalan)**

4. (a) Rakan anda yang ingin menjadi seorang usahawan dalam industri binaan telah meminta nasihat anda dari segi opsyen-opsyen bentuk perniagaan yang ada. Huraikan dengan ringkas bentuk perniagaan milik perseorangan, perkongsian dan syarikat.

(b) "Semua bentuk perniagaan bermatlamat untuk memaksimumkan keuntungan." Bincangkan.

(25 markah)

5. (a) Semua kos yang ditanggung oleh kontraktor boleh digolongkan sebagai kos yang boleh berubah, kos tetap dan kos yang boleh ditunda. Nyatakan komponen-komponen kos di bawah setiap kategori.

(b) "Keluk untuk kos bagi pengambilan pekerja baru tidak sama dengan keluk untuk kos bagi pemecatan pekerja". Bincangkan.

(25 markah)

6. (a) Perincikan tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan di bawah dasar fiskal dan kewangan untuk mengawal pergerakan ekonomi.

(b) Nyatakan tindakan-tindakan spesifik yang telah diambil oleh kerajaan Malaysia di bawah dasar tersebut di atas untuk mengurangkan impak buruk kejatuhan matawang.

(25 markah)

-ooo000ooo-